

# **Peningkatan Dan Pembentukan Semula Kurikulum Teknik Dan Vokasional Di Malaysia Untuk Mencapai *Self-Actualization***

*Nurul Nadya Binti Abu Bakar, Nadhirah Binti Ridzuan, Siti Nor Atiqah Binti, Abd.Padzil, Rohana Binti  
Hamzah, Muhammad Sukri Bin Saud*

## **ABSTRAK**

Kertas kerja ini dihasilkan untuk menerangkan tentang kurikulum teknik dan vokasional yang sedia ada di Malaysia kini dan pembentukan semula kurikulum baru yang dapat memenuhi *self-actualization* di kalangan pelajar. Perkembangan sistem pendidikan teknik dan vokasional boleh dilihat dari zaman penjajahan british sehingga zaman dunia tanpa sempadan memerlukan sebuah sistem kurikulum yang kukuh dan bersistematik untuk melahirkan pelajar yang memenuhi *self-actualization* di mana pelajar itu nanti akan mampu menjadi tenaga manusia dan pemimpin yang berjiwa merdeka, berjiwa besar, berkemahiran, berpengetahuan dan berpandangan jauh. Di dalam kertas kerja ini dibincangkan tentang kelemahan kurikulum teknik dan vokasional yang sedia ada, ciri-ciri insan *self-actualization* dan pembentukan semula kurikulum teknik dan vokasional baru yang dapat memenuhi *self-actualization* pelajar di Malaysia. Akhirnya satu model inovasi kurikulum telah direka untuk mencapai *self-actualization* dikalangan pelajar.

## **ABSTRACT**

*This paper describes the curriculum developed for technical and vocational education available in Malaysia now and the re-establishment of new curricula to meet the self-actualization in students. The development of technical and vocational education system can be seen from the British colonial period until the borderless world requires a sound system and systematic curriculum to produce students who meet the self-actualization in which the student will be able to manpower and leaders of the independence-minded, spirited large, skilled, knowledgeable and insightful. In this paper discussed the shortcomings of technical and vocational curriculum available, the characteristics of human self-actualization and the re-establishment of new technical and vocational education curricula that meet students' self-actualization in the Philippines. Finally, an innovative model curriculum has been designed to achieve self-actualization among students.*

## **Pengenalan**

Kurikulum dan bahan pelajaran, dikenali pula sebagai isi kandungan pendidikan atau pengajaran dan pembelajaran, merupakan hasil kebudayaan intelek, dan pengalaman manusia berlandaskan teori epistemologi yang dikemukakan dari semasa ke semasa, dan melalui pengajaran guru, mengisi jiwa kognitif kanak-kanak dan remaja, agar membolehkan pertumbuhan dan perkembangan mereka secara licin dan tanpa gangguan.

Menurut M.Skilbeck (1984) definisi kurikulum ialah sejauh mana pengalaman pembelajaran pelajar yang diluahkan dan terlibat dalam objektif dan matlamat, pelan dan rekabentuk untuk pembelajaran dan penerapannya di dalam persekitaran sekolah. J.Bondi (1989) berpendapat kurikulum ialah matlamat atau nilai set, berkaitan dengan perkembangan pelajar. Ia ialah tahap di mana pengalaman pembelajaran mewakili matlamat dan matlamat mewakili keberkesanan perkembangan kurikulum.

Ini dosokong oleh Kieran Egan (1978) di dalam artikel yang bertajuk "What is Curriculum" kurikulum melibatkan aktiviti pengalaman pembelajaran, mencapai matlamat dan objektif sekolah dan juga penilaian terhadap pencapaian pelajar. Terdapat beberapa kekurangan melalui definisi M.Skilbeck (1984) yang menyatakan hanya aktiviti pembelajaran yang dilakukan dalam sekolah sahaja di anggap kurikulum.

Proses pendidikan pada zaman kini lebih banyak dijalankan di luar sekolah seperti contoh latihan industri, lawatan sambil belajar dan khidmat masyarakat. Aktiviti berikut perlu dianggap sebagai kurikulum pembelajaran kerana ia melibatkan pengalaman dalam proses pembelajaran.

### **Kurikulum Pendidikan Teknikal dan Vokasional**

Kurikulum pendidikan teknik dan vokasional adalah merupakan kurikulum yang menekankan aktiviti amali (hands on). Para pelajar yang mengikuti pengajian akan di bekalkan dengan kemahiran – kemahiran terkini dalam bidang teknikal dan vokasional. Namun begitu, bukan sahaja ilmu teknikal dan vokasional, pelajar turut didedahkan kepada ilmu akademik.


Pada peringkat rendah, pelajar dipekenalkan dengan subjek pra-vokasional yang merangkumi pelbagai aspek kemahiran manipulatif. Pada peringkat menengah pula subjek pra-vokasional diteruskan melalui kemahiran hidup, di mana pelajar didedahkan dengan lebih mendalam kepada pelbagai kemahiran teknikal dan vokasional. Pada peringkat menengah atas, pelajar mengikut urutan subjek yang telah disediakan meliputi subjek teras seperti matematik, sains dan sejarah. Sebagai tambahan terdapat juga subjek elektif yang merangkumi subjek teknik dan vokasional seperti kejuruteraan, perdagangan, ekonomi rumah tangga dan pertanian.

Sistem pendidikan teknik dan vokasional di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia bermula di peringkat menengah lagi dimana terdapat 88 buah sekolah menengah teknik dan vokasional dan sejumlah 32,000 pelajar di Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Sekolah menengah teknik dan vokasional juga menawarkan subjek yang sama seperti sekolah akademik tetapi terdapat tambahan subjek teknik dan vokasional untuk pelajar yang mengikuti kursus teknik dan vokasional.

Pada peringkat pengajian tinggi, terdapat 20 buah politeknik dan 60,000 pelajar politeknik di Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Pelajar politeknik ini mengikuti pengajian di peringkat diploma di mana subjek yang diambil terdiri dari subjek teknik dan vokasional. Objektif penghasilan politeknik di Malaysia ialah untuk mengeluarkan tenaga kerja yang bakal bekerja sebagai juru teknik di industri. Bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah mereka boleh mendaftar di 47 buah universiti awam dan swasta yang ditubuhkan di Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi, 2009).

Kurikulum pendidikan teknik dan vokasional sangat menekankan pencapaian pelajar dalam menguasai kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan. Penilaian dibuat berdasarkan kepada tahap penguasaan pelajar terhadap subjek yang diajarkan. Di dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional juga, pelajar hanya di ajar kemahiran menggunakan alatan dan mesin, mereka cipta bahan baru, memperbaiki alatan dan mesin, dan kemahiran – kemahiran lain. Namun, dalam kesibukan kita mengejar aspirasi negara untuk menuju negara maju pada tahun 2020, kita terlupa untuk mengisi jiwa para pelajar dengan aspek rohani seperti aspek mengenal hakikat diri dalam setiap isi pengajaran dan pembelajaran.

Rajah 1 di bawah menunjukkan kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional pada masa kini.



**Rajah 1: Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional, (Willson, 1981)**

## **Ciri-ciri Mengenal Hakikat Diri**

Mengenal hakikat diri ialah perkataan yang digunakan oleh pelbagai teori psikologi, tetapi dalam cara yang berlainan. Perkataan ini secara asalnya diperkenalkan oleh pengamal teori organismik Kurt Goldstein (1939) untuk menyedari potensi keseluruhan diri seseorang. Konsep sedar diri ini telah diguna pakai dalam teori hieraki keperluan Abraham Maslow's (1954) sebagai puncak tertinggi perkembangan psikologikal yang boleh dicapai bila hanya kesemua keperluan asas dan mental telah dipenuhi.

Kepuasan diri dalam memenuhi keperluan asas, pertumbuhan dan keperluan yang berterusan membawa kepada perkembangan personaliti yang mempunyai karakteristik seperti mental yang sihat dan bebas dari perasaan cemas atau takut. Minda yang tenang menurut Rogers, adalah seseorang yang sepenuhnya berfungsi, bebas dan bersepadu. Manusia yang mempunyai minda yang tenang ialah orang yang mengalami keseimbangan psikologi kerana bertindak secara harmoni dengan prinsip sedar diri. Seseorang yang mempunyai ciri-ciri sedar diri menurut Maslow (1954) dan Roger (1977) ialah seseorang yang mampu bertahan dan fleksible, dan juga mampu untuk menghadapi perubahan sekeliling.

Pelajar yang sedar diri juga bertanggungjawab dalam menjalankan tugas, kewajipan dan komitmen terhadap manusia. Mereka selalunya suka menggunakan bakat dan potensi diri mereka dengan sepenuhnya. Roger (1977) menyatakan dengan sifat sedar diri, manusia akan mempunyai keyakinan tinggi untuk mempercayai diri mereka dan orang lain dalam mengawal tindakan mereka. Maslow (1954) menyatakan bahawa insan yang mempunyai sifat sedar diri lebih realistik dan mempunyai persepi yang tepat dari orang lain. Ini kerana mereka lebih mengenali diri mereka sendiri, dan mereka tidak perlu mengatur pendapat mereka mengikut pendapat orang lain. Mereka juga boleh menerima dan bertindak balas terhadap kehidupan sekeliling. Pelajar yang mempunyai sifat sedar diri juga melihat realiti secara holistik iaitu menyeluruh.

Idea Maslow dan Rogers tentang kebebasan manusia berbeza dengan para falsafah yang mengamalkan penghambaan manusia. Kedua-dua mereka menerangkan yang sifat sedar diri manusia adalah mereka yang mempunyai autonomi dan bebas membuat pilihan hidup. Tindakan insan yang mempunyai sifat sedar diri ini tidak ditentukan oleh persekitaran fizikal dan masyarakat.

Menurut Maslow (1968), manusia yang mempunyai sifat sadar diri tidak mengelak atau berlakon tentang pengalaman yang mereka alami. Mereka menerima diri mereka seadanya tanpa memikirkan pandangan sekeliling. Manusia yang mempunyai sifat sadar diri mempunyai hubungan dengan semua kehidupan, iaitu mereka sangat mengambil berat akan kehidupan sekeliling. Apabila mereka menjadi pemimpin, mereka akan menjadi pemimpin yang mengutamakan orang lain dari diri mereka sendiri.

### **Kritikan Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional Pada Masa Kini**

Kurikulum pendidikan teknik dan vokasional yang digunakan haruslah lebih dinamik dan mengikut perkembangan teknologi seiring dengan proses globalisasi. Memandangkan pada masa kini, keperluan sumber tenaga manusia merupakan perkara yang penting bagi sesebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia, maka kurikulum pendidikan teknik dan vokasional sehingga kini berubah mengikut peredaran zaman dan teknologi berbanding tahun 1960an di mana pendidikan teknik dan vokasional menghadapi imej yang negatif disebabkan oleh sistem kurikulum yang terhad dari segi kemahiran atau pengetahuan, (Abd. Hair, 2005).

Namun begitu, dalam usaha memenuhi keperluan sumber manusia yang berkemahiran dan berpengetahuan, kurikulum pendidikan teknik dan vokasional yang ada pada masa sekarang kurang menekankan elemen sadar sendiri atau menyedari hakikat diri dalam diri pelajar mereka. Kurikulum sekarang hanya menekankan kepada kemahiran dan pengetahuan yang menjadi saingan dalam pasaran dunia pekerjaan.

Ini turut disokong oleh penulisan Bakar (1994), yang menyatakan bahawa ciri-ciri kurikulum pendidikan teknik dan vokasional masa kini adalah:

- i) Berpusat ke arah alam pekerjaan.
- ii) Integrasi di antara teori dan praktikal
- iii) Berdasarkan kepada sistem semester.
- iv) Pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah kemahiran proses pembelajaran untuk belajar.
- v) Penerapan program panduan kerjaya.

- vi) Latihan on-the job diberikan kepada pelajar untuk mengalami pengalaman di alam dunia pekerjaan yang sebenar.

Daripada ciri-ciri kurikulum ini, di dapati tiada elemen sedar sendiri ditekankan. Elemen sedar sendiri adalah amat penting ditekankan dalam kurikulum bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja memiliki kemahiran dan pengetahuan yang tinggi malah menyedari hakikat diri dan tujuan mereka hidup ke dunia agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin dan ahli masyarakat yang adil demi kebaikan semua dan tidak hanya menjadi pengikut semata-mata.


Sehubungan dengan itu, penyelidik telah melakukan satu inovasi terhadap pembentukan semula kurikulum pendidikan teknik dan vokasional yang menekankan elemen sedar sendiri selain daripada elemen-elemen yang telah di nyatakan di atas.

### **Pembentukan Semula Kurikulum Pendidikan Teknikal dan Vokasional**

Pembentukan semula kurikulum baru ini mengambil kira empat komponen iaitu: (1) pembelajaran yang berkaitan dengan teknologi kejuruteraan; (2) Perkembangan kemahiran dalam bidang yang spesifik; dan (3) lukisan teknikal (ADB, 1987); (4) *self-actualization*.

Ciri paling penting dalam pembentukan baru kurikulum ini adalah lebih kepada penekanan membentuk *self-actualization* pelajar dengan menapis pelajar yang memasuki bidang vokasional dari segi prestasi dan bakat. Ini adalah untuk memudahkan para guru menggunakan pendekatan yang sesuai dengan tahap pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar *self-actualization* pelajar juga dapat dibentuk selain daripada pelajar menerima pengetahuan dan kemahiran (David, 1991).

Pembentukan kurikulum baru ini memastikan pelajar diberikan latihan on-the-job dan infrastruktur yang lebih baik agar pembentukan sendiri pelajar juga dapat dibangunkan. Pelajar juga bukan hanya diberi pengetahuan dan kemahiran tetapi juga akan diberikan suatu situasi atau masalah yang memerlukan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif untuk menyelesaikan masalah tersebut dan ini secara tidak langsung dapat membentuk keyakinan dalam diri pelajar untuk bangkit menjadi pemimpin.



**Rajah 2: Inovasi Kurikulum Baru Pendidikan Teknik dan Vokasional**

Selain itu pelajar juga akan banyak didedahkan kepada aktiviti mengunjungi industri sebagai salah satu alternatif untuk memberikan pendedahan kepada pelajar merasai persekitaran tempat kerja yang bakal mereka hadapi (Wilson, 1981). Rajah 2 di bawah menunjukkan inovasi kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional.



## **Kurikulum berdasarkan *self-actualization***

*Self-actualization* seharusnya menjadi tujuan utama dalam pendidikan kerana alasan utama untuk belajar adalah salah satu pengetahuan yang lebih lanjut tentang diri dan persekitaran seseorang (Emmerson, 2009).

Pendidikan seharusnya berpusatkan kepada kemanusiaan (sejarah, kesusasteraan, seni, sivik, falsafah dan lain-lain), perspektif budaya, sains, karakter pendidikan dan kemahiran dalam membuat keputusan. Pendidikan juga merupakan sarana yang membantu membebaskan fikiran dari belenggu kebodohan dan hal-hal duniawi. Maka pendidikan harus menjadi alat untuk pelajar supaya mereka mencapai *self-actualization* mereka agar mereka sedar fungsi dan peranan mereka dalam kehidupan bukan sahaja sebagai seorang pengikut malah juga seorang pemimpin yang bertanggungjawab (Pinar, 1995).

Pembentukan kurikulum baru ini yang berdasarkan kepada *self-actualization* dibentuk adalah kerana terdapat beberapa orang berpendapat bahawa anak-anak dilahirkan dengan kemampuan bawaan mereka sendiri yang membantu mereka berjaya atau gagal di sekolah tetapi pada dasarnya tidak ada anak-anak yang harus gagal jika penekanan pendidikan dilakukan secara menyeluruh sehingga pelajar tersebut mampu mencari jati diri mereka dan memahami dengan jelas tujuan mereka dilahirkan ke dunia.

Kurikulum baru yang menekankan *self-actualization* ini merupakan satu pendekatan yang baru ingin dicuba. Namun di Amerika Syarikat, mereka telah pun menerokai kurikulum berdasarkan *self-actualization* ini. Penekanan pendidikan berdasarkan *self-actualization* dapat membantu pelajar belajar erti kebebasan yang sebenar iaitu mengetahui tanggungjawab dan bersiap sedia untuk menyumbangkan diri kepada kesejahteraan dan pembangunan negara, masyarakat dan keluarga (Emmerson, 2009).

Secara keseluruhannya, inovasi pembentukan kurikulum baru yang memberikan penekanan kepada elemen *self-actualization* adalah atas kesedaran bahawa apa yang penting dalam pendidikan adalah bukan sahaja pengetahuan yang dipelajari tetapi bagaimana

pengetahuan yang dipelajari itu digunakan sebaik mungkin untuk kebaikan diri sendiri dan juga dunia.

Dengan demikian, pelaksanaan pendidikan tidak boleh membiarkan pelajar begitu sahaja memperoleh pengetahuan secara umum tanpa mengetahui bagaimana untuk menggunakan dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam kehidupan yang kini semakin mencabar dan penuh dengan persaingan agar tidak ketinggalan kebelakang.

Diharapkan melalui inovasi kurikulum baru ini yang lebih menekankan kepada mendidik dan mengajar pelajar bagaimana untuk menganalisis, menilai, menggunakan pengetahuan yang diperolehi dan membina pemikiran kritis dan kreatif terhadap apa yang mereka telah pelajari dapat membentuk pelajar untuk berjaya mencapai *self-actualization*.

## **Kesimpulan**

Pendidikan adalah salah satu cara paling berpengaruh dan berkuasa untuk menyumbangkan ilmu pengetahuan dan transformasi kehidupan. Malaysia adalah salah sebuah negara membangun di mana suatu ketika dahulu Malaysia banyak bergantung kepada industri pertanian untuk pembangunan ekonomi dan negara tetapi kini untuk mencapai taraf negara maju Malaysia beralih kepada industri berasaskan teknologi yang dapat memberi impak lebih besar kepada ekonomi Negara.

Transformasi di dalam pendidikan teknik dan vokasional amat penting untuk mendidik pemimpin muda bukan sahaja dengan kemahiran tetapi ilmu pengetahuan dan minda yang mencapai sifat mengenal hakikat diri yang membolehkan mereka mentadbir dan memimpin negara pada masa hadapan. Transformasi ini juga membolehkan subjek pendidikan teknik dan vokasional mengeluarkan tenaga manusia yang bukan hanya cekap dalam 'hands on' tetapi juga mempunyai 'minds on' dan 'soul on'.

Pelajar yang mempunyai sifat sedari diri ini mampu melihat kemungkinan yang berlaku pada diri mereka dan juga orang lain sebab itulah mereka ini akan menjadi pemimpin yang mampu membangunkan masyarakat di masa hadapan. Pendidikan teknik dan vokasional masa kini diharap dapat mengeluarkan tenaga manusia yang mampu menjadi pemimpin yang

bersemangat, mempunyai visi, berhati besar dan individu yang bersepadu dimana mereka mampu menghadapi kehidupan mencabar dan membuktikan kepada dunia yang mereka hebat.

Kurikulum pendidikan teknik dan vokasional yang baru dibentuk semula ini diharapkan mampu menyampaikan pendidikan yang mengandungi pelbagai aspek untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan melahirkan tenaga manusia yang bukan sahaja memenuhi permintaan industri masa kini tetapi juga mencapai sifat mengenali hakikat diri dan mampu memimpin negara ke mercu dunia.

## Rujukan

Abd. Hair, A. (2005). *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Tuntutan Majikan, Penguasaan dan Impak Terhadap Kebolehpasaran*. Prosiding Seminar Kebangsaan E-Komuniti, Putrajaya.

Asian Development Bank (1987). *Project Completion Report of the Vocational Education Project* (Loan No. 476-MAL) (Manila, Asian Development Bank) (Restricted).

Bakar, Mohamad, (1994). *The Development of Technical and Vocational Education in Indonesia*. Royal Melbourne Institution of Technology, Australia.

Bondi, J. (1989) Curriculum Development. A Guide to Practice. London: Prentice-Hall, Inc.

David N. Wilson (1991). Reform of Technical and Vocational Education In Indonesia and Malaysia. Comparative Education.

Emmerson Philippe (2009). *Self-Actualization and Education*. United States.

Goldstein, Kurt (1939). *The organism: A holistic approach to biology derived from pathological data in man*. Goldstein, Kurt; Salt Lake City, UT, US: American Book Publishing From PsychBooks

Kieran Egan (1978) *Curriculum Inquiry*. New York : Blackwell Publishers.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2010)

Kementerian Pengajian Tinggi (2009)

Maslow, A. H. (1954). *Motivation and personality* (3rd ed.). New York: Harper & Row.

Maslow, A. H. (1956). *Self-actualizing people: A study of psychological health*. In C. E. Moustakas (Ed.), *The self: Explorations in personal growth* (pp. 161-162). New York: Harper & Row.

Maslow, A. H. (1968). *Toward a psychology of being* (2nd ed.). New York: Van Nostrand Reinhold.

Maslow, A. H. (1971). *The farther reaches of human nature* (2nd ed.). New York: The Viking Press.

Pinar (1995). *Understanding Curriculum: An Introduction to the Study of Historical and Contemporary Curriculum Discourses*. New York: Lang.

Rogers, C. R. (1961). *On becoming a person*. Boston: Houghton Mifflin.

Rogers, C. R. (1977). *Carl Rogers on personal power*. New York: Delacorte Press.

Skilbeck, M. (1984) *School-based curriculum development*. London: Harper & Row.

Wilson, D.N (1981). *Education and Occupational Training in Singapore and Malaysia*. Toronto, Ontario Institute for Studies in Education.